

Latihan bervisual uji kecekapan pemandu lori

» UPM buat kajian bantu kurangkan kemalangan kenderaan berat

Oleh Khairina Yasin
kayrina@bh.com.my

► Serdang

Latihan persepsi bahaya atau 'hazard perception' kepada pemandu kenderaan berat antara cadangan dikemukakan Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai langkah mengurangkan kes kemalangan membabitkan lori atau trak dengan penunggang motosikal di negara ini.


Cadangan hasil kajian penyelidikan Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya UPM, Prof Madya Dr Law Teik Hwa itu juga dilihat mampu meningkatkan kemahiran mengesan bahaya kalangan pemandu lori sekali gus mampu mengelakkan kemalangan berlaku.

Law berkata, latihan sedemikian diamalkan di kebanyakan negara maju seperti Kanada dan Australia sebagai syarat lulus lesen memandu kenderaan berat dan ia didapati praktikal dalam membantu menangani kes kemalangan membabitkan kedua-dua pengguna jalan raya berkenaan.

"Latihan bervisual itu dilengkapi penggunaan paparan skrin berimej dan cermin 'eye tracker' bagi menguji pemandu mengesan persepsi bahaya ketika pemanduan.

Memerlukan kajian susulan

"Kajian susulan bagaimanapun akan dibuat bagi mendapatkan lebih banyak bukti sebelum ia (cadangan) dipanjangkan kepada pihak kerajaan bagi tujuan penguatkuasaan," katanya kepada



Carlsson (kiri) menyerahkan model trak kepada Renuganth dalam majlis pelancaran iSTREC di UPM Serdang, baru-baru ini.



“Latihan bervisual itu dilengkapi penggunaan paparan skrin berimej dan cermin 'eye tracker' bagi menguji pemandu mengesan persepsi bahaya ketika pemanduan”

Law Teik Hwa,
Penyelidik Pusat Penyelidikan
Keselamatan Jalan Raya UPM

pemberita dalam majlis pelancaran *Innovative Solutions to Reduce Crashes between Trucks and Motorcycles (iSTREC) Road Safety Innovation Challenge 2013*, di sini, semalam.

Turut hadir, Duta Sweden ke Malaysia, Bengt Carlsson, Pengarah Urusan Volvo Malaysia, Mats Nilsson dan Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat UPM, Prof Dr Ir Renuganth Varatharajoo.

Pelekat reflektif

Beliau berkata, turut dicadangkan ialah pemasangan pelekat reflektif pada tepi keledar penunggang motosikal bagi meningkatkan tahap boleh dilihat oleh pemandu kenderaan lain khususnya kalangan pemandu lori.

Katanya, cadangan itu wajar dipraktikkan kerana penunggang motosikal adalah antara pengguna jalan raya yang menghadapi risiko paling tinggi terbahit dalam kemalangan berbanding pengguna kenderaan lain.

"Data 2011 mendapati 60 peratus daripada 4,036 kes kematian membabitkan penunggang motosikal berlaku disebabkan kemalangan antara motosikal dan kenderaan berat.

"Angka itu amat membimbangkan dan hasil kajian ini adalah usaha proaktif UPM bersama Volvo, Agensi Inovasi Malaysia, Business Sweden dan Vehicle and Traffic Safety Centre (SAFER), Sweden dalam membantu kerajaan mencari penyelesaian terbaik menanganinya," katanya.